

# UMP, SIRIM sepakat bangunkan teknologi Nano

Menyedari kepentingan pembangunan teknologi nano di negara ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Sirim Malaysia Berhad (SIRIM) menjalinkan kerjasama dalam pemindahan teknologi dan latihan serta menjalankan penyelidikan secara bersama bagi menggalakkan pembangunan teknologi ini.

Hubungan kerjasama ini juga melibatkan pembangunan sumber manusia melalui latihan dan pertukaran kepakaran antara kedua-dua organisasi.

Selain UMP, SIRIM juga menjalinkan kerjasama dengan universiti dari Korea Selatan, *AJOU University* dan *Iran University of Science and Technology (IUST)*.

Majlis menyaksikan pertukaran dokumen memorandum persefahaman (MoU) yang diadakan bersempena Persidangan Penyelidikan dan Pengkomersialan Teknologi Nano Antarabangsa (ICONT 2011) di Grand Borneo Hotel, Kota Kinabalu, Sabah pada 7 Jun 2011.

Dalam majlis ini UMP diwakili Dekan Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, manakala Sirim diwakili Timbalan Presiden, Bahagian Penyelidikan dan Teknologi, Dr Zainal Abidin Mohd Yusof dengan disaksikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johny Ongkili.

Menurut Datuk Seri Dr. Maximus berkata, pihak Kerajaan memutuskan untuk mewujudkan beberapa pusat kecemerlangan (COE) bagi teknologi nano bagi membina kekuatan penyelidikan negara dan ianya menggalakkan pembangunan selanjutnya.

"MOSTI sedang menilai pusat-pusat teknologi nano yang akan dilantik sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan COE.

"Kini wujud keperluan yang besar untuk membina keupayaan penyelidikan di negara ini di bawah Rancangan Malaysia Ke-sembilan dan sehingga 2010, kerajaan telah melabur kira-kira RM140 juta bagi geran penyelidikan dan pembangunan yang dikhususkan bagi penyelidikan teknologi nano.

"Malaysia kini mempunyai 16 pusat penyelidikan yang memfokuskan kepada penyelidikan teknologi nano yang melibatkan seramai 450 penyelidik," katanya.

Manakala menurut Profesor Dr. Mashitah, kerjasama melibatkan FSTI dan Pusat Penyelidikan Industri Teknologi Nano (INTeRC) ini, UMP bakal menjalankan projek integrasi strategik dalam pengajaran, penyelidikan dan pembangunan bahan termaju dengan memfokuskan penggunaan nano bahan bagi aplikasi tenaga boleh diperbaharui.

Selain itu, katanya kedua-dua pihak berhasrat untuk bekerjasama lebih rapat dalam mendapatkan geran kebangsaan dan antarabangsa bagi bidang bahan termaju termasuk pembangunan prototaip.

